



KEPADA : SEMUA PELAJAR IJAZAH PERTAMA (PENUH MASA) & DIPLOMA

**HEBAHAN AKTIVITI PENDAFTARAN
KURSUS SEMASA CUTI PANJANG (KSCP), SIDANG AKADEMIK 2021/2022**

1. JADUAL AKTIVITI KSCP, SIDANG AKADEMIK 2021/2022

AKTIVITI	TARIKH
Keputusan Peperiksaan Semester Kedua, Sidang Akademik 2021/2022	05/09/2022 (Isnin) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11.00 pagi melalui portal <i>Campus Online</i> . (http://campusonline.usm.my)
Aktiviti Pendaftaran Kursus KSCP di Pusat Pengajian	30/08/2022 (Selasa) – 11/09/2022 (Ahad) (Sistem akan dibuka pada 30/08/2022, jam 10.00 pagi bagi urusan pendaftaran)
Tempoh Pengajaran & Pembelajaran	12/09/2022 (Isnin) – 25/09/2022 (Ahad)
Peperiksaan	26/09/2022 (Isnin) – 02/10/2022 (Ahad)
Cuti	03/10/2022 (Isnin) – 16/10/2022 (Ahad)
Keputusan Peperiksaan KSCP, Sidang Akademik 2021/2022	11/10/2022 (Selasa) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11.00 pagi melalui portal <i>Campus Online</i> . (http://campusonline.usm.my)

2. SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

- (a) Pelajar perlu menghubungi Pusat Pengajian/Pusat yang berkenaan untuk menyemak dan mendapatkan pengesahan senarai kursus yang akan ditawarkan sebelum tarikh pendaftaran kursus.
- (b) Kursus yang telah diubahsuai ke 100% kerjaj kursus pada Semester Kedua, Sidang Akademik 2021/2022 tidak boleh ditawarkan sewaktu KSCP 2021/2022.

3. ASAS & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELAJAR MENGIKUTI KSCP

- (a) Kategori Pelajar yang boleh mendaftar KSCP ialah seperti berikut:
 - i. Pelajar tahun akhir yang perlu memenuhi unit berijazah
 - ii. Memperolehi gred Gagal (gred F) di dalam sesuatu kursus
 - iii. Memperolehi gred 'DK' (Dengan Kebenaran)
 - iv. Mendapat keputusan 'C-', 'D+', 'D', 'D-'
- (b) Pelajar yang memperolehi gred 'F*' dan 'X' **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti KSCP.

4. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KURSUS

- (a) Pelajar yang ingin mengikuti KSCP WAJIB mendaftar kursus dalam talian (online).
- (b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar mendaftar lebih daripada unit tersebut.
- (c) Pelajar yang mengikuti KSCP tidak dibenarkan menambah ataupun menggugur kursus selepas minggu pertama.

5. PELAJAR TAHUN AKHIR

- (a) Pelajar di tahun akhir yang perlu mengikuti KSCP bagi tujuan pengijazahan perlu menghubungi segera Pusat Pengajian masing-masing supaya kursus-kursus yang perlu ditawarkan dapat dikenalpasti dengan segera.
- (b) Pelajar tahun akhir yang telah memenuhi semua syarat pengijazahan dan disahkan layak berijazah oleh Universiti selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester 2, Sidang Akademik 2021/2022 adalah **TIDAK LAYAK** mengikuti KSCP.

PARA PELAJAR DIMINTA MEMATUHI TARIKH AKTIVITI KSCP SIDANG AKADEMIK 2021/2022 DAN ARAHAN YANG DINYATAKAN.

Kerjasama semua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Unit Rekod Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar

No. Tel. : 04-653 2336/2924/4194/2925/3169 (Pejabat Am)
No. Faks : 04-6574641
E-mel : sdrp@usm.my
Web : registry.usm.my/updr
Tarikh luput : 16/10/2022